

# Akta Hasutan jika persoal hak Melayu

BH 27 AUG 2000

GEORGETOWN: Kerajaan tidak teragak-agak mengambil tindakan termasuk di bawah Akta Hasutan terhadap pihak yang terus membangkit dan mempersoalkan hak dan keistimewaan orang Melayu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim, berkata hak dan keistimewaan orang Melayu sudah termaktub dengan jelas dalam perlembagaan dan tidak boleh dibangkitkan lagi.

Malah, katanya tindakan mempersoalkan hak istimewa itu adalah satu kesalahan besar di sisi undang-undang dan boleh dikenaran hukuman mengikut undang-undang sedia ada

termasuk Akta Hasutan.

"Kalau diulangi saya pastikan undang-undang itu akan dijalankan dengan tegas. Jangan cuba-cuba, yang sudah tu...sudahlah, tapi kita siap sedia dan beri amaran kalau ada lagi, kita akan jalankan tanggungjawab mengikut undang-undang negara," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menghadiri majlis perjumpaan anjuran Persatuan Melayu Pulau Pinang (Pemenang) di Rumah Pemenang, di sini malam semalam.

Turut hadir di majlis itu, Presiden Pemenang, Datuk Mohd Yussof Latiff dan Naib Presiden Pemenang, Datuk Azmi

Merican Ibrahim.

Beliau mengulas tindakan pihak tertentu yang mempertikai hak keistimewaan orang Melayu termasuk hmtutan 17 perkara Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Persatuan-Persatuan Cina (Suqiu) yang didakwa antara lain meminta dimansuhkan perbezaan antara Bumijutera dan bukan Bumijutera selain membatalkan Sekolah Wawasan.

Tuntutan Suqiu itu mendapat bantahan pelbagai badan bukan kerajaan (NGO) dan orang ramai.

Bagaimanapun, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Selasa lalu meminta isu itu tidak dibangkitkan lagi.